

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 10 JANUARI 2014 (JUMAAT)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>   | <b>Akhbar</b> |
|------------|--|---------------|
| 1.         | Mimos, HP jalin pakatan bangunkan aplikasi SDN             | Berita Harian |
| 2.         | Bank beri komputer kepada tiga sekolah                     | Berita Harian |
| 3.         | MOSTI bantu industri tempatan komersial hasil penyelidikan | Bernamea.com  |
| 4.         | Angin kencang, laut bergelora sehingga Isnin               | Sinar Harian  |
| 5.         | Angin kencang, laut bergelora berterusan sehingga Isnin    | Bernamea.com  |

# Mimos, HP jalin pakatan bangunkan aplikasi SDN

» Kerjasama strategik dorong perkembangan inovasi ICT

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**M**imos Bhd menjalin kerjasama strategik dengan syarikat teknologi maklumat terkemuka dunia, Hewlett-Packard (HP) bagi membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan universiti tempatan dalam membangunkan aplikasi rangkaian menerusi penggunaan perisian-definisi rangkaian (SDN) dan HP SDN Developer Kit (SDK).

Kerjasama itu juga menjadikan agensi penyelidikan dan pembangunan (R&D) nasional itu sebagai rakan kongsi pertama HP di Asia Tenggara bagi Program Rakan HP AllianceOne.

Program itu menyediakan platform kepada agensi atau syarikat di dunia ini untuk membangunkan produk penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan menggunakan platform dan teknologi utama HP.

Ketua Pegawai Teknologi Mimos, Thillai Raj T. Ramathan, berkata sebagai peserta program itu, Mimos boleh mengakses perkakasan yang diperlukan untuk membangun, merangsang dan mengesahkan aplikasi SDN menerusi infras-

struktur SDN HP dan perkhidmatan sokongan menyeluruhnya.

## Platform Inovasi Terbuka Mimos

Beliau berkata, SDN adalah sebahagian daripada Platform Inovasi Terbuka Mimos yang bertujuan memantapkan lagi penyelesaian awan kepada pelanggannya.

“Kerjasama dengan HP dalam SDN ini menyediakan platform kepada kami untuk mendidik PKS dan universiti tempatan dalam membangunkan aplikasi rangkaian,” katanya pada sidang media selepas memeterai perjanjian kerjasama strategik itu di Kuala Lumpur semalam.

Yang hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi,

Datuk Dr Ewon Ebin, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Rosli Mohamed, Naib Presiden dan Pengurus Besar Rangkaian HP Asia Pasifik dan Jepun, Morten Illum dan Pengarah Urusan HP Malaysia, Thiyagu Letchumanan.

Thillai berkata, Mimos mempunyai makmal khusus untuk SDN yang mana PKS dan universiti yang berminat boleh menggunakannya secara percuma bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai SDN.

Beliau bagaimanapun berkata, caj akan dikenakan bagi perkhidmatan teknikal sokongan bagi mereka yang ingin mengkomersialkan aplikasi rangkaian yang dibangunkan mereka menerusi platform SDN

yang ditawarkan dengan kerjasama HP itu.

Sementara itu, Ewon berkata, kerjasama strategik antara Mimos dan HP itu penting dalam mendorong perkembangan inovasi dalam ICT di negara ini.

## Galak perkembangan inovasi

Beliau berkata, kementeriannya akan melaksanakan beberapa program perdana tahun ini bagi menggalakkan perkembangan inovasi di kalangan syarikat ICT tempatan.

Katanya, kementeriannya akan bekerjasama dengan MIMOS serta agensi lain di negara ini untuk membangunkan sistem ICT bagi industri penjagaan kesihatan.



Ewon (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Thillai (kanan) dan Thiyagu di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO ZAIN AHMED/BH]

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN): MUKA SURAT 5  
TARIKH: 10 JANUARI 2014 (JUMAAT)

## Bank beri komputer kepada tiga sekolah

**Melaka Tengah:** Dalam usaha meningkatkan celik teknologi maklumat (IT) di kalangan murid, Standard Chartered Bank menyumbang lima set komputer kepada tiga sekolah di negeri ini.

Sumbangan bernilai RM35,000 itu untuk Sekolah Kebangsaan (SK) Malim, SK Sungai Udang dan SK Klebang Besar.

Selain komputer, bank terbabit turut menyumbang papan putih kepada Seko-

lah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Tanjung Kling, di sini.

Ketua Pegawai Informasi bank itu, Datuk Arif Sidiqi, berkata projek tanggungjawab sosial korporat itu juga sebahagian daripada Pro-

“*Saya berharap menerusi sumbangan ini pelajar berpeluang **mempertingkatkan pembelajaran di sekolah**”*

**Arif Sidiqi,**  
Ketua Pegawai Informasi  
Standard Chartered Bank

gram Literasi Digital syarikat terbabit bagi membantu memudahkan pembelajaran inovatif.

### **Bank digital**

“Usaha ini juga bertepatan dengan hasrat syarikat menjadi bank digital utama kepada pelanggan kami menerusi penggunaan teknologi.

“Saya berharap menerusi sumbangan ini pelajar berpeluang **mempertingkatkan pembelajaran di sekolah**, katanya pada majlis penyampaian komputer itu di sini.



Arif (kiri) melihat pelajar Tahun 5, Nur Fatini Alya Batrisyia Norazam, **melakukan tugas menggunakan komputer.**



## **MOSTI Bantu Industri Tempatan Komersil Hasil Penyelidikan**

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) sudah bersedia membantu industri tempatan mengkomersilkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) mereka tahun ini.

Kementerian telah merangka rancangan menawarkan subsidi kewangan untuk membantu syarikat-syarikat berkenaan, kata [Ketua Setiausahaanya Dr Rosli Mohamed](#).

"Inisiatif ini akan membantu meningkatkan daya saing negara kita," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani perjanjian antara Mimos Bhd dan Hewlett-Packard Co (HP).

Menerusi perjanjian itu, MIMOS, pusat R&D ICT kerajaan, menjalin usaha sama dengan HP, untuk menggunakan teknologi HP dalam bidang penyelesaian pengkomputeran awan.

Kementerian juga akan bekerjasama dengan agensi tempatan termasuk MIMOS untuk membangunkan teknologi bagi industri penjagaan kesihatan, kata Rosli.

Ia merancang untuk membantu syarikat perniagaan tempatan meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan menerusi penggunaan teknologi, katanya.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 08**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2014 (JUMAAT)**

## Angin kencang, laut bergelora sehingga Isnin

**KUALA LUMPUR** - Angin kencang dan laut bergelora (kategori kedua) yang kini melanda perairan Kelantan dan Terengganu dijangka berterusan sehingga Isnin (13 Januari).

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** semalam, keadaan angin dengan kelajuan antara 50 hingga 60 kilometer sejam (km/jam) dan ombak melebihi 4.5 meter itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk perkhidmatan feri.

Kenyataan itu juga menyebut keadaan angin kencang dan laut bergelora kategori pertama melanda perairan Pahang, Johor timur, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan serta Sabah meliputi kawasan pedalaman, pantai barat, Kudat serta Sandakan.

Keadaan angin kencang yang bertiup antara 40 dan 50 km/jam serta ombak setinggi 3.5 meter itu dijangka berlaku hari ini sehingga Isnin ini, menurut kenyataan tersebut.

Keadaan itu juga berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut serta sukan laut. - Bernama

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 10 JANUARI 2014 (JUMAAT)



## Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Sehingga Isnin

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora (kategori kedua) yang kini melanda perairan Kelantan dan Terengganu dijangka berterusan sehingga Isnin (13 Jan).

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), Khamis, keadaan angin dengan kelajuan antara 50 hingga 60 kilometer sejam (km/jam) dan ombak melebihi 4.5m itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk perkhidmatan feri.

Kenyataan itu menyebut keadaan angin kencang dan laut bergelora kategori pertama melanda perairan Pahang, Johor timur, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah meliputi kawasan pedalaman, pantai barat, Kudat serta Sandakan.

Keadaan angin kencang yang bertiup antara 40 dan 50 km/jam dan ombak setinggi 3.5m itu dijangka berlaku Jumaat sehingga Isnin ini, menurut kenyataan itu lagi.

Menurut jabatan itu, keadaan ini berbahaya kepada bot-bot kecil, untuk aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

--BERNAMA